



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SIARAN AKHBAR ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA, 2016-2017

PENGENALAN

Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2017 memuatkan data anggaran penduduk pertengahan tahun 2016 dan 2017 yang berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2010 (Banci 2010) dengan mengambil kira tiga komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran, kematian dan migrasi.

SAIZ DAN KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK

Penduduk Malaysia meningkat 1.3% kepada 32.0 juta orang pada 2017.

Pada 2017, penduduk Malaysia dianggarkan sebanyak 32.0 juta orang dengan 28.7 juta warganegara dan 3.3 juta bukan warganegara.

Berbanding tahun 2016, kadar pertumbuhan penduduk warganegara dan bukan warganegara pada 2017 menurun masing-masing kepada 1.1 peratus dan 2.9 peratus. Kadar pertumbuhan penduduk secara keseluruhan adalah 1.3 peratus.

Jadual 1: Penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Malaysia, 2016–2017

('000)

Tahun	Jumlah	Warganegara	Bukan Warganegara
2017 ^e	32,049.7 (1.3%)	28,723.0 (1.1%)	3,326.7 (2.9%)
2016	31,633.5 (1.4%)	28,403.5 (1.2%)	3,230.0 (3.3%)

NISBAH JANTINA

Pada 2017, penduduk lelaki masih melebihi penduduk perempuan. Nisbah jantina bagi tahun 2016–2017 masih kekal pada 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Nisbah jantina bagi warganegara dan bukan warganegara juga masih kekal pada 102 dan 157 bagi tempoh yang sama.

STRUKTUR UMUR

Peratusan penduduk berumur 0–14 tahun pada 2017 menurun kepada 24.1 peratus berbanding 24.5 peratus pada 2016. Manakala peratusan penduduk berumur 15–64 tahun meningkat daripada 69.5 peratus pada 2016 kepada 69.7 peratus pada 2017. Peningkatan penduduk dalam kumpulan umur ini memberi kesan secara langsung kepada peningkatan umur penengah pada 2017 (28.3 tahun).

KOMPOSISI KUMPULAN ETNIK UTAMA

Pada 2017, etnik Bumiputera mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 mata peratus berbanding 2016 iaitu 68.8 peratus daripada jumlah penduduk warganegara. Walau bagaimanapun, etnik Cina mencatatkan penurunan 0.2 mata peratus kepada 23.2 peratus, manakala etnik India dan Lain-lain kekal masing-masing pada 7.0 peratus dan 1.0 peratus berbanding 2016.



Pada **2017**, penduduk **MALAYSIA** dianggarkan **32.0 juta** orang dengan kadar pertumbuhan penduduk **1.3%**

1 daripada 10 penduduk adalah bukan warganegara



2017^e
16.5 juta

2016
16.3 juta



2017^e
15.5 juta

2016
15.3 juta



Nisbah jantina pada 2017 masih kekal seperti 2016

Jumlah

107

Warganegara



102

Bukan warganegara

157

Struktur umur

Peratusan penduduk tua semakin **meningkat** **0.2 mata peratus** berbanding 2016



Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik utama

Peratusan etnik Bumiputera **meningkat 0.2 mata peratus** berbanding 2016



^e Anggaran

*** Nota:**

^e Anggaran

Dikeluarkan Oleh:

**DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

14 Julai 2017

Pegawai dihubungi:

Ho Mei Kei
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Korporat & Khidmat Pengguna
Jabatan Perangkaan Malaysia
Tel : +603-8885 7942
Faks : +603-8888 9248
Emel : mkho[at]stats.gov.my